



Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim: Satu Analisis Keperluan

Rizaman Yahya¹, Rabiatal Adawiah Ahmad Rashid² & Muhammad Zuhair Zainal³

^{1,2,3}Universiti Sains Malaysia

Article Info

Received:
04 December 2019

Accepted:
17 Feb 2020

Publish
06 April 2020

E-mail address:

*corresponding Author :
man72ipgktb@gmail.com
r_adawiah@usm.my
zuhair@usm.my

e-ISSN 2682-759X

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keperluan terhadap pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim. Analisis keperluan ini merupakan fasa pertama yang terdiri daripada tiga fasa yang dijalankan bagi memastikan model yang dibangunkan menepati kehendak pengguna. Pengumpulan data dijalankan melalui kaedah tinjauan menggunakan soal selidik ke atas 122 orang responden yang terdiri daripada guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di seluruh Malaysia. Analisis data memfokuskan aspek-aspek berkaitan (1) Pandangan terhadap sistem pendidikan sedia ada secara keseluruhan dalam menjana kemahiran kritis, (2) Pandangan terhadap kurikulum Pendidikan Islam secara keseluruhan menurut konteks kemahiran pemikiran kritis, (3) Pandangan terhadap keperluan menimba ilmu melalui alternatif lain merujuk kemahiran pemikiran kritis, (4) Penerapan pemikiran kritis dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia bersesuaian dengan keperluan, (5) Cara pelaksanaan kemahiran pemikiran kritis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, (6) Kebolehan yang perlu dimiliki oleh remaja Muslim dan (7) Keupayaan yang seharusnya dimiliki oleh remaja Muslim selepas menamatkan persekolahan. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya keperluan untuk membangunkan model pemikiran kritis remaja Muslim. Hasil dapatan juga menjadi penentu terhadap fasa pembinaan model pada fasa berikutnya. Penemuan ini telah memberi gambaran bahawa pembangunan model pemikiran kritis remaja Muslim merupakan satu keperluan mendesak berdasarkan data dan tinjauan awal yang dijalankan. Penguasaan terhadap pemikiran kritis ini akan menjadikan seseorang individu itu bersikap lebih matang dalam menghadapi sebarang situasi berdasarkan cara berfikir dan cara bertindak.

Keyword: Pemikiran Kritis, Remaja Muslim, Model

Pendahuluan

Pentas global dunia pendidikan masa kini menyaksikan wujudnya pelbagai perbincangan hangat tentang kemahiran pemikiran kritis (Nakagawa, 2016). Pemikiran kritis merupakan salah satu kemahiran yang telah lama diperkenalkan di persada pendidikan di Malaysia. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini telah menjadi semakin terfokus apabila kemahiran ini turut tersenarai dalam salah satu kerangka pembelajaran yang terdapat dalam kemahiran abad ke-21. Menurut Caraka Putra, Muhammad dan Swieji Maghfira (2018) individu yang menguasai kemahiran ini akan menjadi lebih konsisten serta mempunyai landasan dan pedoman yang terpimpin ketika membuat sebarang keputusan dan tindakan dalam kehidupan seharian. Penguasaan terhadap kemahiran ini akan dapat melahirkan masyarakat yang lebih matang dalam apa juga situasi terutamanya ketika membuat apa-apa keputusan dan ketika mengambil sebarang tindakan.

Sehubungan itu, penentuan ke arah keberhasilan kemahiran ini hendaklah dijalankan dengan jelas dan diberikan garis panduan yang selengkapnya. Usaha ini bertujuan untuk membimbing golongan ini menjalani kehidupan yang lebih sempurna dan berkesan. Proses ini penting dalam melahirkan golongan remaja yang berkualiti dalam mendepani arus kehidupan pada masa hadapan. Oleh itu, pelbagai pendekatan hendaklah diperkenalkan supaya dapat memperlengkapkan golongan ini dengan idea-idea yang bernas dengan berbekalkan ilmu yang telah diterokai. Ciri-ciri ini bertepatan dan seiring dengan hasrat kerajaan ke arah menggalakkan pertumbuhan sosial, budaya dan ekonomi bagi negara yang berwibawa (Malaysia Education Blueprint, 2013).

Penyataan Masalah

Remaja didefinisikan sebagai satu kelompok manusia yang melalui satu peringkat peralihan dari alam kanak-kanak ke alam dewasa yang melibatkan perubahan dari segi biologi dan perubahan sosial (Azizi & Halimah, 2010). Perkembangan ini merupakan satu jangka waktu yang perlu ditempuhi oleh setiap insan dalam proses perkembangan seseorang manusia. Walau bagaimanapun, perkembangan pada peringkat ini boleh tersasar dari landasan yang sebenar sekiranya remaja tersebut tidak mempunyai asas yang menjadi pegangan dalam setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Ini berikutan mereka tidak dapat membuat keputusan yang tepat dalam sebarang tindakan yang dilakukan dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, kesan daripada tindakan yang dilakukan oleh golongan ini telah membantu menyumbang kepada statistik terkini yang menunjukkan terdapatnya jumlah kes salah laku remaja yang amat membimbangkan (Aizan & Murni, 2017).

Kementerian Pendidikan Malaysia melaporkan sejak 2012 sehingga 2016 jumlah pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin berada pada kadar 2.03 peratus setahun (Noor Mohamad, 2017). Statistik ini turut diperakui oleh Ahmad Firdaus, Kamarul Azmi dan Khairunnisa (2016) yang menyatakan masalah sosial pelajar semakin merunsingkan berikutan data yang semakin meningkat sepertimana yang diperoleh daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Justeru, kepincangan yang berlaku terhadap golongan ini turut disuarakan oleh pelbagai pihak dari semasa ke semasa (Aizan & Murni, 2017; Kamarul Azmi, 2016; Muhammad Faizal et al., 2016; Norsaleha, Ab Halim, Noor Hafizah, Salleh, & Amriah, 2016; Nur Shahidah, 2017; Nurzatil Ismah & Zulkifli, 2017).

Tinjauan mendapati penyebab utama yang mendorong kepada berlakunya masalah remaja adalah kerana mereka tidak dapat mengaplikasikan pengetahuan mereka dengan menggunakan kemahiran berfikir dengan berkesan (Marlina & Shaharom, 2010; Rosnani, Suhailah, & Adesile, 2014). Hujah ini turut disokong oleh Wan Salha, Nurul Syazwani, Ahmad Fahmi dan Noor Asliza (2010) yang menyatakan pandangan senada berikutan golongan remaja kini tidak dapat membuat keputusan yang tepat dalam pergaulan seharian mereka. Kelemahan dalam mengaplikasikan kemahiran ini telah mengundang pelbagai masalah lain sekiranya tidak

dibendung.

Menurut Mohd Zaidi (2014) kemahiran berfikir dan Pendidikan Islam seolah-olah terpisah antara satu sama lain kerana kedua-duanya saling tidak berhubungan sebagaimana yang diaplikasikan terhadap mata pelajaran lain. Tegasnya, Pendidikan Islam yang telah didedahkan kepada pelajar-pelajar tidak dilaksanakan dengan kritis. Kenyataan ini turut disokong oleh Nursafra, Mohd Isa dan Khadijah (2016) yang menegaskan pandangan yang selari iaitu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam yang dijalankan di dalam kelas didapati kurang berkesan dari sudut penggunaan kemahiran pemikiran kritis serta kurang merangsang terhadap penggunaan pemikiran dengan berkesan. Hujah-hujah tersebut ternyata mengandungi unsur kontradiksi yang begitu jelas kerana berdasarkan klausa yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) termaktub bahawa kemahiran pemikiran kritis hendaklah diterapkan dalam semua mata pelajaran yang terkandung dalam sistem pendidikan di Malaysia (Mohd Zaidi, 2013).

Justeru, satu solusi yang bersifat drastik perlu dilaksanakan terhadap golongan ini dengan mewujudkan beberapa panduan asas bagi membantu mereka. Saranan yang signifikan terhadap golongan ini pada masa kini adalah dengan mewujudkan model. Menurut Mohd Norulhisham, Firdaus, Mohd Nizam, & Mohamad Sattar (2016) model dapat dijadikan rujukan dan panduan serta memberi gambaran yang jelas dalam merungkai sesuatu persoalan dengan lebih sistematik. Tinjauan mendapati terdapat pelbagai jenis model wujud pada masa kini (Abdul Muqsih, 2018; Habibah@Artini, 2017; Jamiah & Sidek, 2016; Mohd Nazri, 2014; Mohd Paris, 2016; Mohd Ridhuan, 2016; Muhammad Nidzam, 2017; Ramlan, 2017; Syabuddin & Abdul Ghafar, 2015). Walau bagaimanapun, model yang tertumpu kepada pemikiran kritis terutamanya untuk golongan remaja masih belum diteroka secara mendalam. Pendapat ini senada dengan cadangan Verawati, Siti Rahayah, Rodiah, & Nor Azaheen (2010) yang mencadangkan supaya dapat dibangunkan model pemikiran kritis remaja dengan alasan gaya masa kini semakin mencabar dan berubah.

Objektif Kajian

Analisis keperluan dijalankan bertujuan untuk mengumpul maklumat secara jelas tentang sesuatu konteks kajian dan juga persekitaran yang akan dikaji. Fasa ini melibatkan beberapa proses seperti menentukan objektif kajian, menganalisis dan menjelaskan masalah. Fokus tersebut bagi memenuhi keperluan pengguna, memperoleh pengetahuan sedia ada dan ciri-ciri lain yang berkaitan (Saedah, Norlidah, Dorothy, Zaharah, 2013). Proses ini merupakan penentuan bagi fasa seterusnya iaitu fasa mereka bentuk dan membangunkan model. Merujuk kajian ini analisis keperluan dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam untuk mendapatkan maklumat berkaitan adakah terdapatnya keperluan untuk membangunkan model pemikiran kritis. Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian tinjauan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Data dianalisis bagi menerangkan tentang wujudnya keperluan tersebut.

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan persampelan pelbagai peringkat (*multi-stage sampling procedure*) (Creswell, 2013; Sekaran, 2003). Justifikasi pemilihan persampelan ini adalah bertujuan untuk memudahkan bagi mendapatkan data yang terdiri daripada guru Pendidikan Islam yang berada di seluruh negeri di Malaysia dengan mengikut prosedur yang ditetapkan. Etikan, Sulaiman Abu Bakar dan Rukayya Sunusi (2016) menegaskan tujuan utama responden-responden dipilih adalah bagi mendapatkan pandangan secara langsung tentang sesuatu isu yang dikaji. Justeru, maklumat secara terperinci diperlukan bagi mendapatkan maklumat golongan pelaksana iaitu guru Pendidikan Islam bagi melihat keperluan untuk membangunkan model

terhadap remaja. Sampel kajian terdiri daripada 122 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di seluruh Malaysia.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian diwujudkan untuk mengenal pasti beberapa prosedur penting terhadap proses pembinaan soal selidik sebelum diedarkan kepada responden. Oleh yang demikian, prosedur pengesahan pakar telah dijalankan dengan melibatkan seramai lima orang pakar yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam bidang kemahiran pemikiran kritis dan Pendidikan Islam. Merujuk dari sudut kelayakan, mereka terdiri dalam kalangan profesor madya serta mereka yang memiliki ijazah kedoktoran dalam bidang berkaitan secara mendalam. Merujuk kepada pengalaman pula, pakar-pakar yang dipilih mempunyai pengalaman melebihi 15 tahun dalam bidang tersebut.

Keseluruhan soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A mewakili maklumat demografi yang melibatkan 7 item. Bahagian B mengandungi 7 konstruk yang mewakili soalan keperluan pembangunan model pemikiran kritis. Pembahagian jawapan terbahagi kepada dua iaitu merangkumi situasi masa kini dan jangkaan masa depan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 72 item. Konstruk-konstruk yang dibina terdiri daripada : 1. Pandangan terhadap sistem pendidikan sedia ada secara keseluruhan dalam menjana kemahiran pemikiran kritis (14 item), 2. Pandangan terhadap kurikulum Pendidikan Islam secara keseluruhan menurut konteks kemahiran pemikiran kritis (12 item), 3. Pandangan terhadap keperluan menimba ilmu melalui alternatif lain merujuk kemahiran pemikiran kritis (10 item), 4. Penerapan kemahiran pemikiran kritis dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia bersesuaian dengan keperluan (6 item), 5. Cara pelaksanaan kemahiran pemikiran kritis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (12 item) 6. Kebolehan yang perlu dimiliki oleh remaja Muslim (10 item) dan 7. Keupayaan yang seharusnya dimiliki oleh remaja Muslim selepas menamatkan persekolahan merujuk kemahiran pemikiran kritis (8 item). Pandangan responden secara keseluruhannya telah diuji dengan menggunakan lima skala likert terdiri daripada 1. Sangat tidak setuju, 2. Tidak setuju, 3. Kurang setuju, 4. Setuju dan 5. Sangat setuju. Penghasilan setiap konstruk dan item merupakan adaptasi dan modifikasi daripada kajian lepas Mohd Nazri (2014) di samping memasukkan beberapa penemuan yang terkini berdasarkan tinjauan literatur yang telah ditemui.

Ujian Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan instrumen diuji bagi menentukan tahap ketekalan dalaman pembolehubah kajian (Hair, Black, Babin, Anderson, & Tatham, 2010). Nilai alpha terpiawai (standardised alpha) ini menjadi petunjuk dalam menentukan ketekalan dalaman pembolehubah. Oleh yang demikian, ujian yang dijalankan terhadap 7 konstruk mendapati tahap pengukuran melepasi 0.70 dengan nilai .952. Jadual 1 dan 2 berikut merupakan nilai kebolehpercayaan yang telah diperoleh melalui soal selidik yang dibina.

Jadual 1 : Nilai Kebolehpercayaan Konstruk Secara Keseluruhan

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.952	.952	72

Jadual 2 : Nilai Kebolehpercayaan Mengikut Konstruk

Bil	Konstruk	Nilai Alpha Cronbach
1	Pandangan terhadap sistem pendidikan sedia ada secara keseluruhan dalam menjana kemahiran pemikiran kritis.	.876
2	Pandangan terhadap kurikulum Pendidikan Islam secara keseluruhan menurut konteks kemahiran pemikiran kritis.	.899
3	Pandangan terhadap keperluan menimba ilmu melalui alternatif berikut merujuk kemahiran pemikiran kritis.	.889
4	Penerapan kemahiran pemikiran kritis dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia bersesuaian dengan keperluan.	.816
5	Cara pelaksanaan kemahiran pemikiran kritis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.	.870
6	Kebolehan yang perlu dimiliki oleh remaja Muslim.	.937
7	Keupayaan yang seharusnya dimiliki oleh remaja Muslim selepas menamatkan persekolahan merujuk kemahiran pemikiran kritis.	.914

Analisis Kajian

Soal selidik ini dianalisis dengan menggunakan Program IBM Statistical Package for The Social Science versi 21. Kaedah statistik deskriptif telah digunapakai bagi mendapatkan skor min, sisihan piawai, peratus dan juga frekuensi. Jadual 3 merupakan interpretasi skor min yang digunakan.

Jadual 3 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber : Mohd Yusri (2010)

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Demografi responden terdiri daripada 122 orang guru Pendidikan Islam. Data bagi kategori jantina menunjukkan tidak terdapat keseimbangan yang ketara antara jantina yang telah diperoleh iaitu hanya terdapat seramai 30 lelaki atau 24.6% dan 92 perempuan atau 76.4%. Taburan umur responden dalam kajian ini bermula dari usia 30 tahun sehingga umur 59 tahun iaitu mereka yang masih bekerja sebagai guru di menengah kebangsaan. Merujuk taraf pendidikan pula, kebanyakan responden terdiri dalam kalangan guru yang mempunyai ijazah sarjana muda yang mendominasi angka majoriti iaitu seramai 108 orang bersamaan 88.5% manakala pemegang ijazah sarjana pula adalah seramai 11 orang mewakili jumlah 9.0%. Terdapat seramai 2 orang bagi pemegang diploma atau 3.8% dan ijazah kedoktoran pula adalah seramai seorang mewakili 0.8%. Kajian mendapati kebanyakan responden terdiri daripada individu yang terlibat dengan bidang Pendidikan Islam yang mewakili sebanyak 89.3% atau sebanyak 109 orang manakala bagi bidang Bimbingan dan Kaunseling pula terdapat seramai 2 orang atau 1.6% dan bagi kategori lain-lain adalah sebanyak 11 orang atau 9.0%. Jadual 4 merupakan ringkasan daripada penerangan tersebut.

Jadual 4 : Demografi Responden

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	30	24.6
Perempuan	92	75.4
Umur (1 – 60)		
	30-59	100
Taraf Pendidikan		
SPM/STPM	0	0
Diploma	2	1.6
Ijazah	108	88.5
Sarjana	11	9.0
Kedoktoran	1	.8
Bidang		
Pendidikan Islam	109	89.3
Bimbingan Dan Kaunseling	2	1.6
Lain-lain	11	9.0
Jawatan Sekarang		
Ketua Panitia	27	22.1
Guru Cemerlang	3	2.5
Guru Penolong	77	63.1
Lain-lain	15	12.3
Pengalaman Bekerja (1 – 35)		
	4-35	100

N = 122

Keperluan Pembangunan Model Pemikiran Kritis Remaja Muslim

Dapatan berikut merupakan keputusan yang diperoleh daripada soal selidik yang telah dijalankan. Secara keseluruhannya, tahap persetujuan responden terhadap konstruk dan juga item yang diberikan adalah tinggi. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan dapatan yang ditunjukkan. Soal selidik ini terbahagi kepada dua meliputi situasi masa kini dan jangkaan masa depan. Keseluruhan skor min yang diperoleh daripada situasi masa kini ialah 3.88 manakala skor min jangkaan masa depan ialah 4.38. Hasil analisis mendapati responden mempunyai tahap persetujuan yang tinggi merujuk kepada tahap jangkaan masa depan berbanding situasi masa kini. Data yang diperoleh menunjukkan terdapat jurang yang berbeza antara semua konstruk merujuk min masa kini berbanding min jangkaan masa depan. Petunjuk berdasarkan dapatan ini memberi gambaran awal tentang kecenderungan pengguna ke arah keperluan membangunkan model pemikiran kritis terhadap remaja kini. Jadual 5 menunjukkan data keseluruhan konstruk.

Jadual 5 : Data Keseluruhan Konstruk

		Situasi masa kini	Jangkaan masa depan
N	Valid	122	122
	Missing	0	0
	Min	3.8802	4.3859
	Median	3.9444	4.3750
	Sisihan Piawai	.40861	.35112

Jadual 6 : Data Konstruk 1

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
1.	<i>Pandangan terhadap sistem pendidikan sedia ada secara keseluruhan dalam menjana kemahiran pemikiran kritis. Sistem pendidikan sedia ada bersesuaian dari segi :</i>	3.8033	.54798	4.2964	.48034
i	<i>Dasar-dasar KPM</i>	3.79	.695	4.24	.590
ii	<i>Sistem peperiksaan</i>	3.65	.691	4.28	.579
iii	<i>Persekolahan digital</i>	3.34	.849	4.07	.752
iv	<i>Kandungan kurikulum</i>	3.78	.686	4.19	.634
v	<i>Pendidikan Abad Ke-21</i>	3.69	.739	4.22	.637
vi	<i>Kandungan kokurikulum</i>	3.75	.637	4.16	.617
vii	<i>Misi pendidikan berkualiti</i>	3.87	.655	4.30	.588

Merujuk jadual 6, konstruk 1 terdiri daripada 7 item mewakili *pandangan terhadap sistem pendidikan sedia ada secara keseluruhan dalam menjana kemahiran pemikiran kritis*. Item-item yang terkandung dalam konstruk ini terdiri daripada *dasar-dasar KPM, sistem peperiksaan, persekolahan digital, kandungan kurikulum, Pendidikan Abad Ke-21, kandungan kokurikulum dan misi pendidikan berkualiti*. Nilai konstruk 1 secara keseluruhannya menunjukkan situasi masa kini telah memperoleh sebanyak 3.8033 berbanding dengan konstruk jangkaan masa depan yang memperoleh sebanyak 4.2964. Tahap interpretasi skor min jangkaan

masa depan konstruk 1 berada pada tahap tinggi. Data ini menunjukkan peningkatan yang begitu ketara tentang harapan responden terhadap jangkaan masa depan. Analisis item *iii) persekolahan digital* telah mendapat nilai min yang paling rendah iaitu 3.34 bagi situasi masa kini walau bagaimanapun, jangkaan masa depan mendapat nilai 4.07. Item *vii) misi pendidikan berkualiti* telah mendapat nilai yang paling tinggi iaitu sebanyak 4.30 bagi jangkaan masa depan, manakala situasi masa kini pula mencatatkan sebanyak 3.87. Walau bagaimanapun, nilai tersebut ternyata lebih tinggi daripada *persekolahan digital*. Rumusan menunjukkan responden mempunyai persepsi yang tinggi menerusi jangkaan masa depan untuk meningkatkan lagi aspek-aspek yang melibatkan konstruk 1 berkaitan sistem pendidikan sedia ada secara keseluruhan.

Jadual 7 : Data Konstruk 2

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
2.	<i>Pandangan terhadap kurikulum Pendidikan Islam secara keseluruhan menurut konteks kemahiran pemikiran kritis. Kurikulum Pendidikan Islam sedia ada bersesuaian dari segi :</i>	3.8033	.54798	4.2964	.48034
i	<i>Kurikulum standard</i>	3.89	.592	4.35	.574
ii	<i>Standard kandungan</i>	3.87	.588	4.30	.573
iii	<i>Standard pembelajaran</i>	3.81	.684	4.35	.529
iv	<i>Pentaksiran yang dijalankan</i>	3.76	.644	4.22	.623
v	<i>Tempoh waktu pengajaran seminggu</i>	3.72	.816	4.25	.637
vi	<i>Strategi/pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan</i>	3.77	.702	4.30	.570

Jadual 7 memaparkan analisis tentang *pandangan terhadap kurikulum Pendidikan Islam secara keseluruhan menurut konteks kemahiran pemikiran kritis*. Item-item yang terkandung dalam konstruk ini terdiri daripada *kurikulum standard, standard kandungan, standard pembelajaran, pentaksiran yang dijalankan, tempoh waktu pengajaran seminggu* dan *strategi/pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan*. Aspek situasi masa kini mencatatkan data lebih rendah berbanding jangkaan masa depan dengan masing-masing mencatatkan skor min sebanyak 3.80 berbanding 4.29. Dapatan menunjukkan semua item dari konstruk jangkaan masa depan menunjukkan persepsi yang positif. Walau bagaimanapun, item *v)* merujuk kepada *tempoh pengajaran seminggu* menunjukkan nilai skor min terendah pada situasi masa kini iaitu sebanyak 3.72 berbanding jangkaan masa depan sebanyak 4.25. Nilai tersebut mempamerkan tahap interpretasi sederhana tinggi merujuk kepada jawapan yang diperolehi. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan konstruk 1 menunjukkan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam kini masih memerlukan perhatian daripada pihak yang bertanggungjawab. Keberadaan situasi ini menunjukkan masa yang diperuntukan untuk mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah masih tidak mencukupi. Persetujuan responden berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi dengan serakan yang kecil. Walau bagaimanapun, tahap interpretasi skor min jangkaan masa depan konstruk 2 berada pada tahap tinggi.

Jadual 8 : Data Konstruk 3

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
3.	<i>Pandangan terhadap keperluan menimba ilmu melalui alternatif berikut merujuk kemahiran pemikiran kritis.</i>	4.1005	.56058	4.4607	.46204
i	<i>Khemah ibadat</i>	4.19	.647	4.53	.563
ii	<i>e-Pembelajaran</i>	3.81	.753	4.38	.607
iii	<i>Kelas tambahan</i>	3.84	.693	4.33	.622
iv	<i>Kelas fardhu ain</i>	4.11	.690	4.66	.516
v	<i>Program motivasi</i>	4.11	.702	4.52	.518

Jadual 8 mempamerkan konstruk 3 yang mewakili *pandangan terhadap keperluan menimba ilmu melalui alternatif lain merujuk kemahiran pemikiran kritis* telah menunjukkan nilai skor yang melebihi 4.00 pada kedua-dua keadaan iaitu antara situasi masa kini dengan jangkaan masa depan. Nilai skor min masing-masing telah mencatatkan sebanyak 4.10 dan 4.46. Item-item yang terdiri daripada *khemah ibadat*, *e-pembelajaran*, *kelas tambahan*, *kelas fardhu ain* dan *program motivasi* telah menunjukkan nilai min masing-masing hampir sama bagi situasi masa kini dan jangkaan masa depan. Terdapat dua item yang didapati mencatatkan dapatan yang terendah iaitu *e-pembelajaran* dan *kelas tambahan* dengan masing-masing mencatatkan dapatan sebanyak 3.81 dan 3.84. Item *e-pembelajaran* merupakan item terendah yang perlu diberikan perhatian dalam memenuhi permintaan generasi Y ini sejajar dengan perkembangan semasa. Keseluruhan dapatan dalam konstruk tersebut jelas menggambarkan penguasaan terhadap sumber-sumber lain melalui kaedah penyerapan ilmu jelas memainkan peranan penting bagi seseorang individu. Tahap interpretasi skor min jangkaan masa depan konstruk ini keseluruhannya berada pada tahap tinggi.

Jadual 9 : Data Konstruk 4

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
4.	<i>Penerapan kemahiran pemikiran kritis dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia bersesuaian dengan keperluan</i>	3.7760	.63628	4.3880	.51132
i	<i>remaja</i>	3.80	.651	4.39	.523
ii	<i>masa kini</i>	3.77	.678	4.40	.540
iii	<i>masyarakat</i>	3.75	.731	4.37	.592

Jadual 9 menunjukkan konstruk 4 mewakili persepsi responden terhadap *penerapan kemahiran pemikiran kritis dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia bersesuaian dengan keperluan remaja, masa kini dan masyarakat*. Dapatan menunjukkan situasi masa kini memperoleh nilai min sebanyak 3.77 manakala nilai min jangkaan masa depan pula menunjukkan peningkatan dengan nilai min sebanyak 4.38. Tahap interpretasi skor min

jangkaan masa depan konstruk 4 secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Jangkaan masa depan terhadap item *i) remaja* telah mencatatkan nilai sisihan piawai sebanyak .523. Item *iii) masyarakat* mencatatkan keputusan terendah iaitu 3.75 berbanding dengan dua item yang lain. Ini membuktikan tentang kebenaran statistik yang telah dibincangkan dalam sub topik yang lalu. Keseluruhan data membuktikan persepsi responden terhadap penerapan pemikiran kritis dalam Pendidikan Islam adalah diperlukan bagi memenuhi tuntutan ketiga-tiga golongan sasaran tersebut.

Jadual 10 : Data Konstruk 5

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
5.	<i>Cara pelaksanaan pemikiran kritis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.</i>	3.9467	.47493	4.4290	.45146
<i>i</i>	<i>Pengajaran guru</i>	3.94	.621	4.43	.530
<i>ii</i>	<i>Aktiviti luar kelas</i>	3.90	.609	4.42	.558
<i>iii</i>	<i>Penguasaan ilmu guru</i>	4.07	.641	4.48	.518
<i>iv</i>	<i>Pengajaran berpusatkan pelajar</i>	3.87	.715	4.39	.567
<i>v</i>	<i>Menggunakan kaedah/bahan terkini</i>	3.97	.574	4.42	.543
<i>vi</i>	<i>Perancangan Rancangan Pengajaran Guru (RPH)</i>	3.93	.639	4.44	.515

Jadual 10 memaparkan konstruk 5 iaitu analisis tentang *cara pelaksanaan pemikiran kritis dalam mata pelajaran Pendidikan Islam*. Item yang terkandung dalam konstruk ini ialah *pengajaran guru, aktiviti luar kelas, penguasaan ilmu guru, pengajaran berpusatkan pelajar, menggunakan kaedah/bahan terkini dan perancangan rancangan pengajaran guru (RPH)*. Dapatan menunjukkan semua item dari konstruk jangkaan masa depan menunjukkan persepsi yang positif dan tahap interpretasi min berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, situasi masa kini mencatatkan nilai sebanyak 3.94 dan nilai jangkaan masa depan pula ialah sebanyak 4.42. Item *iv) pengajaran berpusatkan pelajar* menunjukkan nilai min terendah iaitu 3.87 manakala, nilai min untuk jangkaan masa depan ialah 4.39. Oleh yang demikian, berdasarkan data yang diperoleh membuktikan cara pelaksanaan pemikiran kritis yang dijalankan sehingga kini menunjukkan masih terdapat kelompangan yang seharusnya diperbaiki berdasarkan min yang dinyatakan. Keseluruhannya menunjukkan terdapat jarak perbezaan yang tinggi antara persepsi responden situasi masa kini dan jangkaan masa depan.

Jadual 11 : Data Konstruk 6

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
6.	<i>Kebolehan yang perlu dimiliki oleh remaja Muslim.</i>	4.0000	.73451	4.5443	.55701
<i>i</i>	<i>Berkolaboratif</i>	4.05	.770	4.58	.587
<i>ii</i>	<i>Berkomunikasi</i>	4.06	.731	4.60	.555

iii	<i>Mengawal emosi</i>	4.02	.803	4.52	.592
iv	<i>Ketahanan mental</i>	3.95	.871	4.48	.683
v	<i>Berfikir secara kritis</i>	3.93	.854	4.53	.632

Jadual 11 merupakan ringkasan konstruk 6 merujuk kepada *kebolehan yang perlu dimiliki oleh remaja Muslim meliputi berkolaboratif, berkomunikasi, mengawal emosi, ketahanan mental dan berfikir secara kritis*. Item-item dalam konstruk ini telah memperoleh jumlah min yang hampir sama jika diperincikan mengikut item. Walau bagaimanapun, jika dianalisis mengikut keseluruhan konstruk, situasi masa kini telah memperoleh nilai min sebanyak 4.00 dan nilai min jangkaan masa depan memperoleh sebanyak 4.54. Merujuk data yang diperoleh melalui dapatan ini, konstruk ini merupakan antara konstruk yang mempunyai min situasi masa kini yang tertinggi berbanding dengan konstruk-konstruk yang lain. Walau bagaimanapun, min bagi jangkaan masa depan masih memerlukan sata usaha yang positif dijalankan. Secara keseluruhannya data menunjukkan tahap persetujuan jangkaan masa depan adalah tinggi terhadap item-item yang diuji apabila skor min berada pada tahap tinggi.

Jadual 12 : Data Konstruk 7

Bil	Konstruk/Item	Situasi masa kini		Jangkaan masa depan	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
7.	<i>Keupayaan yang seharusnya dimiliki oleh remaja Muslim selepas menamatkan persekolahan merujuk kemahiran pemikiran kritis.</i>	3.9877	.65701	4.4734	.51807
i	<i>Mengubah corak sosiobudaya</i>	3.94	.719	4.43	.602
ii	<i>Membudayakan amalan berfikir dalam kehidupan</i>	3.96	.709	4.46	.591
iii	<i>Menjadi individu yang berfikiran matang dan bijak</i>	3.98	.738	4.51	.649
iv	<i>Membentuk individu yang berpendirian teguh terhadap agama</i>	4.07	.747	4.50	.579

Jadual 12 merupakan ringkasan konstruk ke-7 iaitu *keupayaan yang seharusnya dimiliki oleh remaja Muslim selepas menamatkan persekolahan merujuk kemahiran pemikiran kritis* merangkumi 4 item iaitu *mengubah corak sosiobudaya, menjadi individu yang berfikiran matang dan bijak, membudayakan amalan berfikir dalam kehidupan dan membentuk individu yang berpendirian teguh terhadap agama*. Dapatan menunjukkan situasi masa kini telah mencatatkan nilai min sebanyak 3.98 manakala nilai min jangkaan masa depan ialah 4.47. Tahap persetujuan yang tinggi dan interpretasi yang sangat memuaskan dalam kalangan responden menggambarkan kesedaran terhadap kepentingan tentang keupayaan seseorang remaja dalam menjalani kehidupan pada masa depan. Merujuk aspek ini responden menunjukkan persepsi yang positif terhadap semua aspek bersandarkan kepada skor min bagi setiap item. Rumusannya, responden telah memberi satu persepsi yang positif.

Perbincangan

Dapatan secara keseluruhannya menunjukkan wujudnya permintaan yang tinggi terhadap keperluan membangunkan model pemikiran kritis. Hal yang sedemikian jelas dilihat melalui jadual yang dipaparkan merujuk kecenderungan responden yang mengharapkan jangkaan masa depan yang tinggi dalam semua konstruk yang telah diberikan berbanding situasi masa kini. Secara keseluruhannya, semua tahap interpretasi skor min jangkaan masa depan bagi setiap konstruk yang dinyatakan berada pada tahap tinggi. Malahan, beberapa konstruk dan item telah menunjukkan data yang jelas memerlukan tindakan susulan perlu dijalankan. Oleh yang demikian, jelas dapatan ini bertepatan dengan cadangan (Verawati et al., 2010) supaya pembinaan model pemikiran kritis dapat dibangunkan memandangkan desakan corak kehidupan masa kini yang semakin mencabar dan semakin berubah.

Pandangan keseluruhan responden terhadap cara pelaksanaan amalan dan penerapan pemikiran kritis dalam Pendidikan Islam di sekolah juga secara keseluruhannya memberi petanda yang memerlukan satu usaha sampingan perlu dijalankan dalam menangani persoalan ini. Bukti yang dapat dilihat adalah merujuk kepada statistik yang telah tercatat sehingga kini. Situasi ini bertepatan dengan Mohd Zaidi (2014) yang menegaskan Pendidikan Islam dan kemahiran berfikir tidak bergerak secara beriringan seperti mana yang telah dilakukan terhadap mata pelajaran lain. Pendapat ini turut disokong oleh Nursafra, Mohd Isa, Khadijah, & Wan Ali Akbar (2016) yang mendakwa pengajaran Pendidikan Islam kurang memberansangkan daya fikir pelajar.

Dapatan juga menunjukkan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran seminggu terhadap mata pelajaran ini perlu diberi perhatian yang serius daripada pihak yang bertanggungjawab. Tinjauan mendapati responden kurang bersetuju dengan peruntukan waktu sedia ada dengan andaian ia bertujuan untuk dimanfaatkan masa yang diperuntukkan dengan lebih berkesan. Di samping itu, responden juga menggalakkan penggunaan *e-pembelajaran* dalam mencari maklumat terbaharu berkaitan Pendidikan Islam. Dapatan ini seiring dengan pandangan Kamarul Azmi dan Mohd Faez Illias (2012) bahawa corak pendidikan masa kini memerlukan bantuan teknologi tinggi dalam menterjemahkan hakikat sebenar yang terdapat dalam disiplin ilmu Pendidikan Islam.

Selain itu, tinjauan juga mendapati wujudnya kesedaran responden terhadap keperluan tentang Pendidikan Abad Ke-21. Usaha ini merupakan antara saranan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menyarankan guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan secara lebih berkesan bagi membolehkan murid-murid mendapat maklumat serta sumber tambahan sama ada semasa dan selepas waktu pengajaran dan pembelajaran yang merentas platform sedia ada (Malaysia Education Blueprint, 2013). Dapatan analisis keperluan ini turut menyokong pandangan Chong (2010) yang menyatakan perubahan dalam pendidikan memerlukan kepada perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh guru Pendidikan Islam secara keseluruhan terhadap remaja masa kini terhadap keperluan menguasai kemahiran pemikiran kritis ini jelas memerlukan satu usaha perlu dijalankan terhadap golongan ini. Ternyata golongan *digital native* atau mereka yang dilahirkan serta dibesarkan di zaman teknologi digital ini perlu dibekalkan dengan satu mekanisme baharu untuk membantu mereka dalam membuat sebarang keputusan dengan berfikir secara intelek, terperinci, mendalam dan membuat penilaian terhadap sesuatu idea. Sekali gus akan mengelak mereka daripada terjebak kepada gejala sosial yang boleh menyebabkan keresahan, kemurungan, pemencilan sosial dan produktiviti yang berkurangan. Ini bertepatan dengan pandangan Lawless (2014) yang menegaskan tentang seseorang individu yang menguasai kemahiran pemikiran kritis dengan baik akan dapat membuat penilaian tentang sesuatu idea dengan tepat sebelum menerima idea tersebut.

Memandangkan model pemikiran kritis remaja Muslim merupakan sokongan kepada pengajaran guru maka dapatan ini boleh dijadikan landasan untuk mereka bentuk satu model

yang boleh dijadikan panduan oleh para pendidik dalam usaha menjadikan bahan pendekatan alternatif pengajaran untuk masa hadapan. Menurut Mohd Norulhisham, Firdaus, Mohd Nizam, & Mohamad Sattar (2016) model boleh dijadikan panduan dalam menangani sesuatu isu yang mendatang. Justeru, remaja akan menjadi lebih terarah dalam menganalisa dan mengamati sebarang keputusan yang akan diambil.

Kesimpulan

Dapatan analisis keperluan ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap interpretasi kesediaan, persepsi dan penerimaan yang tinggi dalam kalangan responden bagi tujuan membangunkan model pemikiran kritis remaja Muslim. Harapan yang tinggi telah diterjemahkan terhadap remaja masa kini supaya memiliki sifat-sifat terpuji bertunjangan fikiran yang kritis dalam menerajui realiti kehidupan masa hadapan. Penguasaan terhadap pemikiran kritis ini akan menjadikan seseorang individu itu bersikap lebih matang dalam menghadapi sebarang situasi berdasarkan cara berfikir dan cara bertindak. Oleh yang demikian, dapatan membuktikan wujudnya keperluan untuk membangunkan model seperti yang dicadangkan.

Rujukan

- Abdul Muqsith, A. (2018). *Pembangunan model ENi berasaskan aktiviti inkuiri bagi program latihan kemahiran kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Firdaus, M. N., Kamarul Azmi, J., & Khairunnisa, A. S. (2016). Masalah sosial dalam kalangan pelajar dan peranan pensyarah Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 50–61.
- Aizan, A. Z., & Murni, B. (2017). Isu dan cabaran pendidikan remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal al-Tamaddun, Bil 12(2)(2)*, 41–49.
- Azizi, Y., & Halimah, M. (2010). *Estim sendiri remaja*. Penerbit UTM Press.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, K. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia (Vol. 53). <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Caraka Putra, B., Muhammad, A. N. G., & Swiejti Maghfira, R. (2018). Strategy of core curriculum to improving student 's critical thinking skill. *Jurnal Bimbingan Dan Kaunseling*, 1(3), 176–182.
- Chong, E. K. M. (2010). Using blogging to enhance the initiation of students into academic research. *Computers and Education*, 55(2), 798–807. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2010.03.012>
- Creswell, J. W. (2013). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Etikan, I., Sulaiman Abu Bakar, M., & Rukayya Sunusi, A. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Habibah@Artini, R. (2017). *Pembangunan model profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan "Riadhah Ruhyyah"*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham. (2010). *Multivariate data analysis: A global perspective* (7th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.

- Jamiah, M., & Sidek, B. (2016). Model atribut kemahiran keibubapaan al-Ghazali. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 113–131.
- Kamarul Azmi, J. (2016). Pendidikan Islam : Cabaran di alaf baru, (January 2011).
- Kamarul Azmi, J., & Mohd Faez, I. (2012). Aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]*, (January), 183–194. Diambil dari [http://eprints.utm.my/36412/1/Cover%26 Paper.pdf](http://eprints.utm.my/36412/1/Cover%26%20Paper.pdf)
- Lawless, A. (2014). *Critical thinking*. Oxford University Press.
- Malaysia Education Blueprint, M. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education*, 27(1), 1–268. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>
- Marlina, A., & Shaharom, N. (2010). Hubungan antara kemahiran berfikir kritis dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*. <https://doi.org/10.11113/jt.v52.136>
- Mohd Nazri, A. R. (2014). *Pembangunan Model “Homeschooling” berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Norulhisham, A. R., Firdaus, M. H., Mohd Nizam, A. R., & Mohamad Sattar, R. (2016). Model Authentic Learning bagi Program Kejuruteraan Politeknik Malaysia: Aplikasi Interpretive Structural Modelling. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13(2), 227–251.
- Mohd Paris, S. (2016). *Model pengajaran m-pembelajaran berasaskan kaedah inkuiri mata pelajaran Sejarah peringkat menengah*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Diambil dari <http://studentsrepo.um.edu.my/6796/>
- Mohd Ridhuan, M. J. (2016). *Pembangunan model kurikulum latihan SkiVes bagi program pengajian kejuruteraan pembelajaran berasaskan kerja*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Yusri, I. (2010). *Bimbingan cepat : Analisis data penyelidikan untuk pendidikan dan sains sosial*. Bandar Ilmu Resources.
- Mohd Zaidi, I. (2013). Kerangka Aqal-Naqal dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Beberapa catatan pemerhatian awal. Seminar pemerkasaan pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai cabaran semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM dan KPM, 24-25 Sept., 2025.
- Mohd Zaidi, I. (2014). *Islam & Higher - Order thinking - An overview*. Kuala Lumpur: Institute Of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).
- Muhammad Faizal, A. G., Husaina, B. K., Ahmad Kamaluddin, M. A. D., Zuraidah, A., Norfariza, M. R., Faisol, E., ... Amalina, A. (2016). Masalah disiplin murid Islam dalam aspek amalan beragama dan strategi penyelesaian menerusi kurikulum Pendidikan Islam, 4(1), 1–27.
- Muhammad Nidzam, Y. (2017). *Pembangunan model kurikulum m-pembelajaran kursus teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di Institut Pendidikan Guru*. Universiti Utara Malaysia.
- Nakagawa, Y. (2016). *A phenomenographic study of the role of critical thinking in Japanese primary education*. Master's Thesis in Education. University of Oulu.
- Noor Mohamad, S. H. (2017). Tangani masalah disiplin secara bersepadu. *Utusan Malaysia*, hal. 11.
- Norsaleha, M. S., Ab Halim, T., Noor Hafizah, M. H., Salleh, A., & Amriah, B. (2016). Kecerdasan

emosi bertauhid dalam kalangan remaja Muslim Malaysia. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 179–190.

- Nur Shahidah, P. (2017). *Pengaruh motivasi dalam proses pembangunan diri remaja menurut perseptif Islam: Kajian di Pusat Motivasi Aliran Pelajar, Kuala Lumpur*. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. <https://doi.org/10.2143/JA.295.1.2024689>
- Nursafra, M. Z., Mohd Isa, H., & Khadijah, A. R. (2016). Matlamat pengajaran berfikir kritis menurut Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 6(December 2016), 1–19.
- Nursafra, M. Z., Mohd Isa, H., Khadijah, A. R., & Wan Ali Akbar, W. A. (2016). Ke arah guru Pendidikan Islam sebagai pemikir kritis. *Jurnal Sains Humanika*, 9–15. <https://doi.org/10.11113/SH.V2N1.389>
- Nurzatil Ismah, A., & Zulkifli, M. Y. (2017). Kepentingan unsur Al-Qalb dalam membentuk jati diri remaja : Analisis terhadap ikon remaja di dalam Al-Quran. *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1), 1–16.
- Ramlan, M. (2017). *Reka bentuk model integrasi akademik berasaskan penghayatan rohani*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. <https://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2010.02280.x>
- Rosnani, H., Suhailah, H., & Adesile, M. I. (2014). Hikmah (wisdom) pedagogy and students' thinking and reasoning abilities. *Intellectual Discourse*, 2, 119–138. <https://doi.org/2289-5639>
- Saedah, S., Norlidah, A., Dorothy, D., & Zaharah, H. (2013). *Design and developmental research : Emergent trend in educational research*. Pearson Malaysia, Kuala Lumpur.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business. A skill building approach* (Fourth Edi). John Wiley & Sons, Inc.
- Syabuddin, G., & Abdul Ghafar, H. D. (2015). Model dakwah : Satu analisis teoretikal, 16, 23–41.
- Verawati, Siti Rahayah, A., Rodiah, I., & Nor Azaheen, A. (2010). Gender analysis of MyCT (Malaysian Critical Thinking) instrument. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7(2), 70–76. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.10.011>
- Wan Salha, Y., Nurul Syazwani, Z., Ahmad Fahmi, M., & Noor Asliza, A. R. (2010). Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA). *Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA)*, 29–31.